

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : PERTAMBAHAN PERUNTUKAN DUN UNTUK KAWASAN YANG ADA  
KENAIKAN LUARBIASA JUMLAH PENGUNDI**

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Disebabkan persempadanan semula sempadan DUN yang tidak adil, maka terdapat kawasan dengan jumlah pengundi yang luarbiasa, seperti di DUN Subang Jaya, Bukit Lanjan dan Kinrara. Apa yang harus dibuat oleh Kerajaan untuk mengurangkan jurang dari segi belanjawan dan peruntukan negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri mengambil maklum dan sedang dalam pertimbangan meneliti semula agihan peruntukan Kerajaan Negeri iaitu peruntukan pembangunan Perkhidmatan Masyarakat yang disediakan kepada Ahli Dewan Negeri Selangor yang menerima impak langsung kepada persempadanan semula kawasan Dewan Negeri tersebut. Keputusan kertas pertimbangan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) akan dimaklumkan setelah ia diluluskan dan ia dipertimbangkan berdasarkan belanja pembangunan tahun 2019 yang telah dicadangkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN WONG SIEW KI**  
**(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)**

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain daripada aspek ekonomi, adakah Kerajaan Selangor merancang memberi skop perkhidmatan yang lebih luas kepada PWB seperti mengadakan latihan cara mengatasi masalah-masalah jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak kepada penyelia PWB dan menjadikan mereka satu koordinator di antara rakyat dan kerajaan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Wanita Berdaya (PWB) merupakan platform utama wanita di Negeri Selangor untuk mendapatkan latihan pengupayaan, baik dari aspek kepimpinan, pemberdayaan ekonomi mahupun kemahiran asas sebagai persediaan untuk mereka ini diangkat ke tahap yang lebih tinggi, iaitu menjadi pemimpin di peringkat komuniti, daerah mahupun negeri. Kerajaan Negeri Selangor terus komited untuk memperkasa wanita di Negeri Selangor melalui platform PWB ini yang akan memasuki tahun ke-empat (4) penubuhannya.

Justeru pada sesi kali ini, Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan Wanita dan Keluarga telah **melancarkan slogan “Wanita Berdaya, Wanita Berdikari”** bagi tujuan pemerkasaan PWB. Pihak Pengurusan PWB akan memastikan setiap PWB DUN menjalankan program-program yang merangkumi kesemua 10 fokus yang telah digariskan iaitu Perundangan, Kepimpinan & Pendemokrasian, Urustadbir baik, Ekonomi, Pembangunan Keluarga, Kesihatan Keluarga, Keusahawanan, Latihan Gender, Alam Sekitar & Kepenggunaan dan Keselamatan Keluarga.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, PWB dengan kerjasama Institut Wanita Berdaya (IWB) juga telah membangunkan 19 modul **Program-program Umum PWB** yang telah **dibahagikan kepada 2 kategori** iaitu; i.) **Program Pembangunan Kapasiti** dan ii.) **Program-program Kemahiran** yang meliputi kategori seperti berikut;

**i) Program Pembangunan Kapasiti:**

- Pendemokrasian & Hak rakyat (Pengundi wanita)

- Gender
- Urustadbir baik (Good Governance)
- Wanita & Perundangan
- Alam Sekitar & Kepenggunaan
- Kesihatan Keluarga
- Pembangunan & Keselamatan Keluarga
- Asas Keusahawanan
- Asas Pelaburan & Pengurusan Kewangan

**ii) Program-program Kemahiran:**

- Seni kraftangan
- Rekabentuk dalaman
- Laman tani dan landskap
- Industri makanan dan minuman (mass produce)
- Program 3R (Reduce, Reuse, Recycle)
- Gaya hidup sihat
- Penyelenggaraan automobil
- Teknologi maklumat
- Seni & budaya
- Seni pertahanan diri

Bagi menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat, untuk program latihan cara mengatasi masalah-masalah jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak telah terangkum dalam modul Program-program Kemahiran ini. Selain itu, PWB juga telah berkerjasama dengan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) Negeri Selangor dalam Program Seminar Wanita Anti Jenayah (WAJA) yang telah diadakan pada 9 Oktober 2018 di Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), di mana lebih 200 orang peserta PWB telah menyertai seminar ini.

Suka juga untuk saya mengambil kesempatan ini dengan merujuk kepada ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada pembentangan Bajet 2019 yang lepas di mana Kerajaan Pakatan Harapan komited ke arah meningkatkan penglibatan wanita di peringkat kepimpinan selaras dengan sasaran 30% daripada pembuat dasar dan keputusan. Justeru, PWB pada sesi kali ini telah merangka modul untuk **Program-program Khusus Wanita Berdaya Selangor (WBS)** yang mensasarkan peserta-peserta terpilih daripada sesi Program-program umum PWB dari setiap DUN. **Program-program khusus WBS ini merangkumi modul Kepimpinan, Pengucapan Awam, Pengurusan, Kewangan, Integriti, Latihan Fizikal, Pendidikan Politik dan Pembangunan Sosial.** Di akhir program ini, para peserta akan melalui proses penilaian

berdasarkan penglibatan mereka sepanjang modul dilaksanakan dan akan dianugerahkan **Sijil Wanita Berdaya Selangor daripada Kerajaan Negeri**.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SEMULA HIGHLAND TOWERS**

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah peranan Kerajaan terhadap perancangan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Semula Highland Towers bagi mengkaji cadangan untuk membangunkan semula kawasan Highland Towers.

Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Pejabat Tanah Daerah Gombak, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dan Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN merupakan ahli di dalam jawatankuasa ini yang berperanan untuk memberikan pandangan atau nasihat terhadap perancangan pembangunan semula Highland Towers.

Selain wakil Kerajaan Negeri, Jawatankuasa ini turut dianggotai oleh:

- i) Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
- ii) Jabatan Kerajaan Tempatan
- iii) Jabatan Perumahan Negara
- iv) Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta
- v) Jabatan Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, Unit Perancang Ekonomi
- vi) Jabatan Landskap Malaysia
- vii) Jabatan Kerja Raya
- viii) Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan
- ix) Jabatan Pengairan Dan Saliran Wilayah Persekutuan Putrajaya
- x) Jabatan Alam Sekitar
- xi) Jabatan Insolvensi Malaysia
- xii) Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim
- xiii) PlanMalaysia
- xiv) Jabatan Ukur Dan Pemetaan

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN ADHIF SYAN BIN ABDULLAH  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK : ISU TANAH KAMPUNG SRI TANJUNG**

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini perkembangan penyerahan hak tanah kepada peneroka Kampung Sri Tanjung?

**JAWAPAN:**

- a) Kampung Sri Tanjung telah ditawarkan sebagai Tanah Rizab Melayu Ampar Tenang (No.Warta:518-97) pada tahun 1997 meliputi kawasan seluas 266 ekar dan telah dimohon bagi tujuan pertanian oleh para peneroka. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 17 Tahun 2017 pada 24 Mei 2017 telah meluluskan 45 permohonan. 37 hak milik telah didaftarkan manakala tujuh (7) di dalam proses penyediaan hak milik dan satu (1) dalam tempoh penyelesaian bayaran premium tanah dan lain-lain bayaran. Bagi peneroka bukan berbangsa Melayu, PDT Sepang dalam usaha untuk mengenal pasti tapak yang bersesuaian sebagai cadangan penempatan semula memandangkan tanah yang diteroka tersebut adalah berstatus Rizab Melayu.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PENGURUSAN SAMPAH**

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah pembaharuan dalam pengurusan sampah di Selangor?
- b) Apakah pelan jangka masa pendek dan panjang Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu longgokan sampah?
- c) Nyatakan jumlah peruntukan untuk memperbaiki mutu pengurusan sampah pada tahun 2019.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa memastikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat. Antara usaha Kerajaan Negeri bagi meningkatkan mutu perkhidmatan adalah melantik KDEB Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) sebagai sebuah *Project Management Company* (PMC) di mana KDEBWM telah melaksanakan beberapa pembaharuan dalam pengurusan sisa pepejal antaranya:-
  - 1) **Pengurusan dan penggunaan aset** bagi memastikan keberkesanan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor. Antaranya ialah penggunaan lori-lori kompaktor dan RORO baru buatan jenama terkemuka Jepun yang dilengkapi dengan pelbagai gajet dan sistem pemantauan terkini seperti:-
    - i) *Auto Vehicle Locating System (AVLS),*
    - ii) CCTV,
    - iii) kamera undur dan sebagainya.
  - 2) Operasi harian lori-lori kompaktor dan RORO baru ini dipantau secara '*real time*' dari *Centralised Command Center* (CCC) oleh KDEBWM. CCC dalam masa yang sama turut menguruskan aduan yang diterima daripada masyarakat dan setiap aduan samaada melalui telefon;

- 3) Pada masa yang sama KDEBWM telah membangunkan aplikasi *i-Clean* Selangor yang boleh dimuat turun melalui telefon pintar supaya aduan akan diselesaikan segera selaras dengan standard operasi KDEBWM yang mensasarkan supaya semua aduan yang diterima diselesaikan dalam tempoh 24 jam; dan
  - 4) KDEBWM juga telah mestrukturkan semula zon-zon kutipan sampah dengan menilai semula kepadatan penduduk termasuk zon-zon kutipan baru.
- b) Pelan jangka masa pendek dalam menyelesaikan isu longgokan sampah seperti di bahu jalan dan di kawasan *hot spot* sampah adalah:-
  - 1) PBT akan mengarahkan kontraktor untuk menambah jadual kutipan sampah daripada jadual kutipan biasa setiap kali tiba musim perayaan bagi mengelakkan sampah yang meningkat secara mendadak dapat dikutip dan tidak terbiar;
  - 2) PBT juga menyediakan tong RORO di kawasan perumahan yang difikirkan sesuai bagi tujuan pembuangan barang perabot yang tidak digunakan atau rosak oleh penduduk; dan
  - 3) PBT juga telah mengagihkan tong sampah secara percuma kepada penduduk terutamanya perumahan-perumahan lama yang tidak mempunyai kebuk sampah dan dikenali sebagai kawasan *hot spot* sampah.

Manakala pelan jangka masa panjang dalam menyelesaikan isu longgokan sampah di bahu jalan di kawasan *hot spot* sampah adalah:-

- 1) Pelaksanaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor oleh KDEBWM meliputi kawasan kampung dengan menempatkan tong sampah secara berpusat bagi memudahkan kerja-kerja kutipan;
- 2) PBT mengenakan syarat penyediaan tong sampah dalam permohonan syarat lesen bagi premis-premis perniagaan atau komersil. PBT akan melaksanakan operasi pemeriksaan tong sampah di setiap premis

perniagaan bagi tujuan untuk memastikan setiap pemilik premis perniagaan berlesen menjaga kebersihan dan kawasan persekitaran premis dengan menyediakan tong sampah.

- c) Jumlah peruntukan yang diperuntukkan oleh PBT Negeri Selangor untuk memperbaiki mutu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam pada **tahun 2019** adalah **berjumlah RM509.49 juta** di mana sebanyak **RM240.73 juta bagi kutipan sisa pepejal** dan **RM268.76 juta bagi pembersihan awam**. Maklumat terperinci peruntukan mengikut PBT adalah seperti berikut:-

Bil.	PBT	PERUNTUKAN PENGURUSAN SAMPAH TAHUN 2019		JUMLAH KESELURUHAN (RM)
		KUTIPAN SAMPAH (RM)	PEMBERSIHAN AWAM (RM)	
1.	<b>MBSA</b>	24,206,740.26	39,408,108.91	63,614,849.17
2.	<b>MBPJ</b>	26,340,400.00	47,587,680.00	73,928,080.00
3.	<b>MPSJ</b>	28,500,000.00	31,800,000.00	60,300,000.00
4.	<b>MPS</b>	24,000,000.00	20,930,800.00	44,930,800.00
5.	<b>MPKJ</b>	39,702,040.43	34,068,159.51	73,770,199.94
6.	<b>MPK</b>	36,000,000.00	28,432,630.00	64,432,666.00
7.	<b>MPAJ</b>	20,000,000.00	22,000,000.00	42,000,000.00
8.	<b>MPSp</b>	15,377,117.04	18,471,308.00	33,848,425.00
9.	<b>MDKS</b>	7,112,880.00	Tiada maklumat	7,112,880.00
10.	<b>MDKL</b>	7,300,000.00	7,800,000.00	15,100,000.00
11.	<b>MDHS</b>	8,188,790.12	14,475,678.24	22,664,468.36
12.	<b>MDSB</b>	4,003,500.00	3,792,389.00	7,795,889.00
<b>JUMLAH</b>		<b>240,731,467.85</b>	<b>268,766,753.66</b>	<b>509,498,257.47</b>

\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : 30% KUOTA WANITA DALAM GLC**

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah peratusan Wanita dalam tahap pengurusan dalam GLC Negeri Selangor (termasuk MBI).
- b) Apa cadangan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan kuota wanita dalam GLC-GLC tersebut?
- c) Adakah Kerajaan Negeri mewajibkan kod anti-gangguan seksual digunakan dalam semua GLC?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 52.21% (bersamaan 401 orang daripada 768 orang) adalah penjawat Wanita di dalam tahap Pengurusan di bawah GLC Negeri Selangor di dalam Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI) dan anak syarikat. Perincian adalah seperti berikut :-

Syarikat	Bil. Kakitangan Perempuan	Jumlah Bil. Kakitangan Kumpulan Pengurusan	Peratusan (%)
1. Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)	20	56	35.7%
2. Tourism Selangor Sdn Bhd	2	6	33.3%
3. KDEB Waste Management Sdn Bhd	5	17	29.0%
4. Yayasan Warisan Anak Selangor	3	4	75.0%
5. Kumpulan Perangsang Selangor Berhad	3	9	33.3%
6. Communication Corporation Sdn Bhd	3	9	33.3%
7. Kumpulan Semesta Sdn Bhd	2	19	10.5%
8. Inpens Selangor Sdn Bhd	2	4	50.0%
9. Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	9	23	39.0%
10. Universiti Selangor	330	551	59.9%

11. Yaysan Hijrah Selangor	12	32	37.5%
12. Permodalan Negeri Selangor Berhad	2	13	15.38%
13. Invest Selangor Berhad	6	15	40.00%
14. SSDU Innovations Sdn Bhd	1	2	50.0%
15. Landasan Lumayan Sdn Bhd	1	6	16.0%
16. SmartSel Sdn Bhd	0	2	0.0%
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>401</b>	<b>768</b>	<b>52.21%</b>

- b) Pengambilan kakitangan di MBI dan anak syarikatnya adalah berdasarkan kepada merit dan juga keperluan perjawatan tersebut. Berdasarkan kepada kedudukan semasa komposisi kakitangan wanita di MBI dan anak syarikatnya bagi kategori pengurusan telah mencapai melebihi 30% iaitu 52.21% seperti mana yang telah ditunjukkan di dalam jadual di atas.
  
  
  
  
  
  
  
  
  
- c) Bagi menjamin tempat kerja yang selamat dan suasana kerja yang kondusif semua syarikat di MBI adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan kod-kod perjawatan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa termasuklah Kod Amalan Untuk Mencegah Dan Membasmi Gangguan Seksual Di Tempat Kerja 1999 (Kod Amalan) yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Sumber Manusia sebagai panduan untuk mencegah gangguan seksual di tempat kerja.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK : PROJEK UNIT PENYELARASAN PELAKSANAAN (ICU) DI SELANGOR**

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai maklumat projek-projek ICU di Selangor? Jika ya, nyatakan jumlah projek-projek ICU yang sedang dilaksanakan mengikut daerah.
- b) Adakah Kerajaan Negeri akan mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya Pejabat Daerah/Tanah menguruskan projek-projek ICU? Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

**JAWAPAN:**

- a) Ya, Kerajaan Negeri mempunyai maklumat projek-projek ICU (Pejabat Pembangunan Negeri) di Negeri Selangor. Berikut adalah senarai terperinci projek mengikut Daerah dan peruntukan.
  - i) Peruntukan Khas YB PM dan TPM/Senator (Jan – Mei 2018)

PUNCA PERUNTUKAN	DAERAH	PELAKSANA SEBELUM PILIHANRAYA	BIL PROJEK	KOS PROJEK (RM)
YAB TPM	HULU SELANGOR	PEJABAT KEMAJUAN ZON GOMBAK DAN HULU SELANGOR	7	350,000
YAB TPM	GOMBAK	PEJABAT KEMAJUAN ZON GOMBAK DAN HULU SELANGOR	1	200,000
YAB TPM	PETALING	PEJABAT KEMAJUAN ZON PETALING	10	1,210,000.00

<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<b>1,760,000.00</b>
---------------	-----------	---------------------

ii) Peruntukan Khas YAB PM untuk kawasan Parlimen (Mei – Dis 2018)

<b>PUNCA PERUNTUKAN</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PELAKSANA SELEPAS PILIHANRAYA</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>
PERUNTUKAN PARLIMEN	GOMBAK	PDT GOMBAK	22 (FIZIKAL & BEKALAN)	480,290.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	HULU LANGAT	PDT HULU LANGAT	29(FIZIKAL & BEKALAN)	514,930.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	HULU SELANGOR	PDT HULU SELANGOR	17(FIZIKAL & BEKALAN)	290,000.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	KLANG	PDT KLANG	12 (FIZIKAL& BEKALAN)	244,420.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	KUALA LANGAT	PEJABAT KEMAJUAN ZON KLANG DAN KUALA LANGAT	10 (BEKALAN)	199,000.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	KUALA SELANGOR	PDT KUALA SELANGOR	16 (FIZIKAL & BEKALAN)	250,000.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	PETALING	PDT PETALING	45 (FIZIKAL & BEKALAN)	927,055.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	SABAK BERNAM	PDT SABAK BERNAM	14 (FIZIKAL & BEKALAN)	250,000.00
PERUNTUKAN PARLIMEN	SEPANG	PDT SEPANG	5 (FIZIKAL & BEKALAN)	132,450.00
<b>JUMLAH</b>			<b>170</b>	<b>3,288,145.00</b>

- iii) Peruntukan Projek Infrastruktur Awam / Infrastruktur Sosial (Jan – Mei 2018)

<b>PUNCA PERUNTUKAN</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PBT</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK (RM)</b>
KPKT (TP1M)	PETALING	MBPJ	1	150,000.00
	GOMBAK	MPAJ	5	899,726.00
<b>JUMLAH</b>			<b>6</b>	<b>1,049,726.00</b>

- iv) Peruntukan Projek di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (BP01) (Jan – Mei 2018)

<b>PUNCA PERUNTUKAN</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PBT</b>	<b>BIL PROJEK</b>	<b>KOS PROJEK</b>
	PETALING	MBSA	1	100,000.00
	HULU SELANGOR	MDHS	3	500,000.00
	KUALA SELANGOR	MDKS	50	234,000.00
	SABAK BERNAM	MDSB	6	600,000.00
	GOMBAK	MPAJ	5	100,000.00
	GOMBAK	MPS	3	350,000.00
	KLANG	MPK	6	760,000.00
	HULU LANGAT	MPKj	2	55,000.00
	SEPANG	MPSg	2	650,000.00
<b>JUMLAH</b>			<b>78</b>	<b>5,455,000.00</b>

- b) Kerajaan Persekutuan melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri, Ibu Pejabat Putrajaya memaklumkan bahawa semua projek yang dilaksana oleh Pejabat Pembangunan Negeri Selangor selepas pilihanraya ke 14 akan dilaksanakan oleh Pejabat Daerah / Tanah khusus bagi peruntukan dibawah Projek Mesra Rakyat. Walaubagaimanapun, bagi projek dibawah peruntukan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT), ia akan dilaksana oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : KESELAMATAN WARGA TEMPATAN**

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai mekanisme bagi mengawal kewujudan komuniti-komuniti warga asing di sesuatu kawasan sehingga kehadiran komuniti ini menimbulkan rasa tidak selesa dan aman di kalangan rakyat tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Pihak Berkuasa Tempatan tidak mempunyai mekanisme untuk mengawal kewujudan komuniti warga asing di kawasan PBT. Pihak PBT hanya bertindak dan mengambil tindakan untuk mengawal komuniti asing yang bermiaga tanpa lesen. Walau bagaimanapun, PBT sentiasa bekerjasama dengan memanjangkan aduan - aduan berkaitan warga asing ke pihak Jabatan Imigresen dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan mengamalkan konsep no wrong door policy dalam menangani isu dan mengawal kebanjiran warga asing. Operasi bersepadu turut dilaksanakan dalam membanteras pendatang tanpa izin dari masa ke semasa

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : JALAN RAYA**

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Berapa peruntukan membaiki dan menaiktaraf jalan raya telah disalurkan dari 2016-2018? Senaraikan mengikut PBT
- Bagaimana kerajaan mengatasi jalan kerap pecah dan berlubang? Apakah ada usaha-usaha menggunakan bahan lebih baik bagi mengatasi masalah yang dinyatakan?

**JAWAPAN:**

- Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS bagi PBT dalam tempoh 2016 hingga 2018 adalah seperti jadual berikut:-

Tahun	Siling (RM)	Perbelanjaan Tahun Semasa (RM)	Peratus Belanja (%)
2016	478,630,002.79	462,559,460.82	97%
2017	393,093,871.40	358,092,286.36	91%
2018	246,534,878.00	211,683,920.47	86%
<b>JUMLAH</b>	<b>1,118,258,752.19</b>	<b>1,032,335,667.65</b>	<b>92%</b>

**Jadual 2 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan MARRIS (2016-2018)**

**2016**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Siling Asal (RM)	Siling Tambahan (RM)	Siling Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	(%)
1.	MBSA	39,823,089.50	6,232,284.21	46,055,373.71	46,744,290.61	101
2.	MBPJ	41,245,381.79	8,039,829.35	49,285,211.14	49,285,211.14	100

3.	MPSJ	30,316,733.93	6,975,056.75	37,291,790.68	36,937,096.42	99
4.	MPK	72,884,838.40	8,227,891.28	81,112,729.68	81,109,774.73	100
5.	MPKj	55,932,270.39	12,398,328.68	68,330,599.07	68,218,998.67	100
6.	MPSp	29,781,219.87	2,082,830.71	31,864,050.58	30,209,138.63	95
7.	MPAJ	31,710,671.74	11,536,278.02	43,246,949.76	41,935,500.55	97
8.	MPS	29,788,579.62	23,169,786.41	52,958,366.03	46,412,202.83	88
9.	MDKL	12,064,969.47	1,921,829.08	13,986,798.55	11,499,334.37	82
10.	MDHS	172,570,35.31	3,817,054.26	21,074,089.57	18,490,141.66	88
11.	MDKS	16,784,396.09	1,151,312.55	17,935,708.64	17,813,917.58	99
12.	MDSB	14,410,813.89	1,077,521.49	15,488,335.38	13,903,853.63	90
	<b>JUMLAH</b>	<b>392,000,000.00</b>	<b>86,630,002.79</b>	<b>478,630,002.79</b>	<b>462,559,460.82</b>	<b>97</b>

## 2017

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Siling Asal (RM)	Siling Tambahan (RM)	Siling Dikemaskini (RM)	Perbelanjaan (RM)	(%)
1.	MBSA	56,687,264.66	2,567,530.00	59,254,794.66	57,106,799.23	96
2.	MBPJ	31,621,650.08	0.00	31,621,650.08	31,745,821.07	100
3.	MPSJ	37,947,400.40	0.00	37,947,400.40	34,398,507.92	91
4.	MPK	42,011,845.85	0.00	42,011,845.85	42,010,879.37	100
5.	MPKj	29,526,443.70	12,332,443.40	41,858,887.10	28,884,752.63	69
6.	MPSp	32,177,675.03	0.00	32,177,675.03	30,580,997.59	95
7.	MPAJ	34,283,496.59	0.00	34,283,496.59	34,266,917.18	100
8.	MPS	43,917,171.85	5,890,455.00	49,807,626.85	41,750,264.13	84
9.	MDKL	17,207,974.84	0.00	17,207,974.84	16,256,411.04	94
10.	MDHS	19,922,520.00	0.00	19,922,520.00	19,075,133.60	96
11.	MDKS	15,000,000.00	0.00	15,000,000.00	14,145,372.24	94
12.	MDSB	12,000,000.00	0.00	12,000,000.00	7,870,430.36	66
	<b>JUMLAH</b>	<b>372,303,443.00</b>	<b>20,790,428.40</b>	<b>393,093,871.40</b>	<b>358,092,286.36</b>	<b>91</b>

## 2018

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	Siling Asal (RM)	Perbelanjaan (RM)	(%)
1.	MBSA	28,567,382.66	20,831,054.55	73
2.	MBPJ	26,042,590.05	24,353,227.42	94
3.	MPSJ	20,827,236.50	16,404,581.89	79
4.	MPK	34,672,520.60	24,068,821.43	69
5.	MPKj	24,760,409.03	24,758,607.42	100
6.	MPSp	14,764,710.82	14,699,057.47	100
7.	MPAJ	20,439,072.32	16,739,856.81	82
8.	MPS	25,894,916.70	25,103,952.96	97
9.	MDKL	11,440,460.66	10,727,060.98	94
10.	MDHS	11,116,689.74	9,319,361.24	84
11.	MDKS	16,008,888.92	14,433,037.73	90
12.	MDSB	12,000,000.00	10,245,300.57	85
	<b>JUMLAH</b>	<b>246,534,878.00</b>	<b>211,683,920.47</b>	<b>86</b>

- b) Pihak JKR sentiasa membuat pemantauan rondaan keadaan jalan dan pihak kontraktor yang dilantik akan melaksanakan pembaikan ke atas jalan yang rosak dan berlubang. Antara usaha lain yang diambil oleh pihak JKR adalah seperti berikut:
1. Pelaksanaan kerja pembaikan jalan raya negeri dan persekutuan melaui kerja sebut harga.
  2. Pelaksanaan kerja-kerja membaik pulih di jalan-jalan negeri melalui Kontrak Berpusat.
  3. Sistem pengurusan Aduan Awam (SISPA) telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri berkuat kuasa pada 27 Mac 2018. Melalui sistem tersebut, semua aduan termasuk aduan jalan berlubang (pothole) akan dikemukakan ke agensi-agensi yang berkenaan untuk diambil tindakan.
  4. Sistem *Intelligent Response System* (IRS) telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Program Smart Selangor membolehkan orang awam melaporkan kejadian pothole melalui aplikasi Waze dan tindakan

diambil bagi menampal *pothole* di lokasi kejadian oleh agensi penyelenggaraan jalan.

Pihak JKR juga turut melaksanakan pelbagai kajian dan projek perintis (*pilot project*) ke atas pelbagai produk baru bagi mengenal pasti produk yang mampu mengekalkan ketahanan jalan ke atas pelbagai produk baru seperti Polymer Modified Asphalt (PMA), *Crumb RubberMix Asphalt* (CRMA) dan lain-lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : KONVENSYEN ANTARABANGSA MENGENAI PENGHAPUSAN  
SEGALA BENTUK DISKRIMINASI KAUM (ICERD)**

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri Selangor ke atas tindakan kerajaan Persekutuan mahu meratifikasi ICERD yang diumumkan oleh Menteri di Jabatan di Jabatan Perdana Menteri?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI**  
**(N51 SIJANGKANG)**

**TAJUK: DASAR BAIK PULIH ATAU MEMPERKUKUHKAN BAN DI NEGERI SELANGOR**

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk memperkuuhkan semua ban atau ban-ban yang sering pecah?
- b) Apakah status tanah hak milik di luar kawasan ban terutamanya yang telah terhakis oleh sungai akibat hakisan dan sebagainya?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya semua ban-ban dalam rezab Jabatan Pengairan dan Saliran di dalam negeri Selangor telah pun dimasukkan di dalam kerja-kerja penyelenggaraan setiap tahun oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran.

Namun begitu ada kalanya terdapat kejadian-kejadian air pasang besar yang luar biasa dan bertembung dengan paras air sungai yang tinggi menyebabkan ban-ban ini runtuh kerana tidak mampu menerima bebanan serentak dari kedua-dua arah. JPS sentiasa memantau lokasi ban-ban yang berisiko untuk runtuh dan peruntukan pembangunan dipohon bagi menaiktaraf ban-ban yang berisiko ini. Pemantauan berkala di kawasan yang berisiko dibuat sebanyak 2 kali sebulan terutama semasa tempoh air pasang tinggi dan pemantauan 24 jam dibuat semasa hari kejadian air pasang tinggi.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perhutanan juga melaksanakan program penanaman pokok bakau dengan kerjasama agensi-agensi lain. Program ini telah dijadikan sebagai program tahunan jabatan berkenaan. Selain itu, pelaksanaan pemberian tebing dengan menggunakan teknik setempat seperti penggunaan batang kelapa/nibong juga dapat membantu mengurangkan kesan hakisan pantai akibat ombak.

- b) Merujuk Seksyen 49 Kanun Tanah Negara, status tanah hak milik di luar kawasan ban terutamanya yang telah terhakis akan menjadi milik kerajaan seperti penjelasan berikut;

**Seksyen 49 KTN. Kesan maraan atau munduran laut, dll.**

*Jika pinggir laut atau dasar mana-mana sungai mara sehingga mengaut mana-mana tanah berimilik, kawasan yang terjejas oleh perkautan itu hendaklah selepas itu terhenti dari menjadi sebahagian daripada tanah itu, dan hendaklah menjadi tanah Kerajaan; tetapi sempadan tanah berimilik itu tidaklah (kecuali dalam keadaan-keadaan yang disebutkan dalam perenggan (ii) bagi proviso kepada sub subseksyen (2) [seksyen 353](#)) terjejas oleh mundurnya pinggir laut atau dasar mana-mana sungai.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : KAJIAN DAN PENYELIDIKAN YANG DIBAYAR OLEH KERAJAAN NEGERI**

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan berapa dan jenis kajian dan penyelidikan yang dibayar oleh Kerajaan Negeri sejak 2008.
- b) Apa perkembangan kajian Kaum Orang Asli Mahmeri yang diperuntukan dana sebanyak RM1 juta?
- c) Apa langkah-langkah yang diambil untuk mencetak dan menerbit kajian-kajian di atas?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri telah membuat beberapa kajian bermula dari tahun 2009 sehingga ke hari ini. Jumlah kajian pada tahun 2009 ialah sebanyak lima (5) kajian, tahun 2010 sebanyak tujuh (7) kajian, tahun 2011 sebanyak dua (2) kajian, tahun 2012 sebanyak empat (4) kajian, tahun 2013 sebanyak tujuh (7) kajian, tahun 2014 sebanyak lima (5) kajian, tahun 2015 sebanyak lima (5) kajian, tahun 2016 sebanyak tujuh (7) kajian, tahun 2017 sebanyak tujuh (7) kajian dan tahun 2018 sebanyak enam (6) kajian.

**TAHUN 2009**

1. Kajian Projek Pilihan Raya Kerajaan Tempatan oleh SUARAM Komunikasi yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.
2. Kajian Di Atas Tempat Letak Kereta Bagi Perumahan Bertingkat dan Keperluan Membina Tempat Letak Kereta di Negeri Selangor oleh Unit Penyelidikan dan Perundingan UNISEL yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.
3. Kajian Peminjam Wang (Ah Long) di Negeri Selangor oleh Unit

Penyelidikan dan Perundingan UNISEL yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.

4. Kajian Mengenai Hak Menteri Besar Selangor untuk Mendeklasifikasi Dokumen oleh Firma Chooi & Co. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM5,000.00.
5. Kajian Kerosakan Bumbung Bagi Blok-blok Pangaspuri Kos Rendah Bukit Beruntung dan Bukit Sentosa Hulu Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM26,365.50.

#### **TAHUN 2010**

1. Kajian Impak Sekitaran Perlombongan Emas di Raub oleh Fakulti Sains dan Teknologi, UKM yang menggunakan peruntukan sebanyak RM30,000.00.
2. Kajian Program Pravasi Bhratiya Bhawan, New Delhi yang menggunakan peruntukan sebanyak RM16,487.00.
3. Kajian Impak Sosial Ke Atas Projek Pembinaan LRT Jajaran Kelana Jaya, Putra Height, Seksyen 27, 28 Shah Alam oleh MDS Traffic Planners & Consultants yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.
4. Kajian Organisasi dan Projek Rintis Pembangunan Strategik Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor oleh Top Foresight Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM426,500.00.
5. Kajian Tinjauan Berkala Sosiopolitik Di Kalangan Rakyat Selangor oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM71,000.00.
6. Kajian Cadangan Program Pungutan Suara dan Pendapat oleh Merdeka Center For Opinion Research Terhadap Pelaksanaan Projek Sambungan Sistem Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Kelana Jaya (KLJ) yang menggunakan peruntukan sebanyak RM91,379.35.
7. Kajian Pesawah Padi di Negeri Selangor oleh Merdeka Center For

Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM91,077.50.

### **TAHUN 2011**

1. Kajian Keperluan Pembinaan Council Homes di Negeri Selangor oleh IIUM Entrepreneurship and Consultancies Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM50,000.00.
2. Laporan Ekonomi Negeri Selangor Tahun 2010/2011 Oleh Research Management Institute yang menggunakan peruntukan sebanyak RM97,000.00.

### **TAHUN 2012**

1. Program Kajian Pendapat & Tindak balas Penduduk Puchong Terhadap Cadangan Pembinaan Sekolah-sekolah Di Taman Tasik Prima, Puchong Oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM98,000.00.
2. Kajian Saintifik Permatang Kuarza Genting Kelang Sebagai Tapak Warisan Geologi Kebangsaan Dan Tapak Warisan Dunia Oleh Institut Kajian Bencana Asia Tenggara (SEADPRI-UKM), Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM150.000.00.
3. Kajian Penggubalan Undang-undang Berkaitan Dengan Hak Tanah Orang Asli Di Selangor Oleh Taylor's Consultancy Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM19,376.80.
4. Pelantikan Perunding Untuk Audit Bebas Bagi "Debt Restructuring And Recovery Exercise Of Talam Corporation Oleh KPMG Transaction And Restructuring Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM560.163.18.

### **TAHUN 2013**

1. Penyediaan laporan Pencemaran Influent Kolam Udang Harimau oleh Lembaga Urus Air Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak

RM100,000.00.

2. Kajian / Pandangan (Second Opinion) Berhubung Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi – Ulu Kelang (SUKE) oleh Fakulti Kejuruteraan Awam, UTM yang menggunakan peruntukan sebanyak RM35,000.00.
3. Kajian Forensik untuk mengenal pasti tahap keselamatan bangunan, tahap integriti tembok JPS dan punca rekahan tanah di kawasan tempat letak kereta serta penyelesaian pembaikan jangka panjang pangsapuri Indah Ria No.4 Taman Impian Jalan Batu 3 Sungai Buloh, Seksyen 22 oleh Juruperunding Ikram yang menggunakan peruntukan sebanyak RM296,347.53.
4. Kajian Cadangan Pembentukan Dasar Belia Negeri Selangor oleh Universiti Putra Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM261,414.00.
5. Kajian Mendapan Tanah Oleh UPUM Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM122,500.00.
6. Kajian Pengurusan Jeti Negeri Selangor Oleh KI Integrated Consultants Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM303,686.38.
7. Kajian Geoteknikal Dan Penilaian Risiko Geologi Rezab Batu Caves, Selayang Untuk Kerajaan Negeri Selangor Oleh Universiti Teknologi Mara yang menggunakan peruntukan sebanyak RM300,000.00.

#### **TAHUN 2014**

1. *Integrated Solid Waste Management Study* oleh PE Research Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM209,880.00.
2. Kajian Impak Sosial Terhadap Pemindahan Pusat Equestrian dan Sukan Selangor Turf Club (STC) Sg Besi ke Sg Tinggi, Hulu Selangor oleh UNISEL yang menggunakan peruntukan sebanyak RM65,500.00.
3. Kajiselidik Penilaian Asas (Baseline Study) dan Pengesanan (Tracking Study) Untuk Penambahbaikan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Oleh Merdeka Center For Opinion Research yang

- menggunakan peruntukan sebanyak RM696,000.00.
4. Laporan Ekonomi Negeri Selangor Tahun 2013/2014 Oleh Research Management Institute yang menggunakan peruntukan sebanyak RM99,815.60.
  5. Data Demografi Negeri Selangor dan Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2013/2014 Oleh Research Management Institute yang menggunakan peruntukan sebanyak RM78,257.04.

#### **TAHUN 2015**

1. Kajian Kadar Kemiskinan Mengikut Daerah Dan Kaum Serta Penetapan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Bagi Negeri Selangor oleh UNISEL dan UTAR yang menggunakan peruntukan sebanyak RM438,600.00.
2. Cadangan Projek Perintis Kitar Semula (Recycling Pilot Project) Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan oleh PE Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM387,366.00.
3. Kajian Penyelidikan Pemuliharaan Genetik Kelip-kelip di Kuala Selangor oleh Forest Research Institute Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM320,436.00.
4. Kajian dan Aktiviti Konservasi Hidupan Liar Negeri Selangor oleh Jabatan Perhilitan Negeri Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM145,380.00.
5. Kajiselidik Penilaian (Tracking Study) Untuk Penambahbaikan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM440,000.00.

#### **TAHUN 2016**

1. Kajian *Water Resources, Supply, Demand and Distribution Study for Selangor* oleh SMHB Sdn. Bhd yang menggunakan peruntukan sebanyak RM2,500,000.00.

2. Kajian Pengurusan Sampah di MPK oleh PE Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM348,804.00.
3. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor oleh MAG Technical & Development Consultants Sdn. Bhd yang menggunakan peruntukan sebanyak RM341,507.39.
4. Laporan Ekonomi 2015/2016 oleh Malaysian Institute of Economic Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM109,606.12.
5. Kajian Geoteknikal dan Penilaian Risiko Kestabilan Cerun Bukit Jugra, Kawasan Sekitar dan Pelan Tindakan Untuk Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan oleh Kumpulan Ikram Sdn. Bhd. yang menggunakan peruntukan sebanyak RM511,833.72.
6. Kajian Pelan Induk Pembangunan Pertanian Negeri Selangor oleh Universiti Putra Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM476,024.78.
7. Kajian Pemuliharaan Muara Sungai Dan Kawalan Hakisan Pantai Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Bagan Sekinchan, Daerah Sabak Bernam oleh Lembaga Urus Air Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM800,000.00.

## **TAHUN 2017**

1. Kajian Pemantauan Populasi Kelip-kelip di Sungai Selangor oleh Forest Research Institute Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM390,060.00.
2. Kajiselidik Penilaian (Tracking Study) Untuk Penambahbaikan Prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM987,000.00.
3. Penyelidikan dan Pembangunan Produk Berteknologi Hijau Berasaskan Mikrob-hibrid Dalam Menangani Permasalahan Pengurusan Sisa Makanan Pepejal di Malaysia oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM20,000.00.

4. *Coastal Food Resources and Gavesting Sides On Pulau Carey Selangor* oleh Universiti Putra Malaysia yang menggunakan peruntukan sebanyak RM10,000.00.
5. Laporan Ekonomi oleh Malaysian Institute of Economic Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM130,586.17.
6. Kajian Mengenai Kempen Bebas Plastik oleh Merdeka Center For Opinion Research yang menggunakan peruntukan sebanyak RM70,000.00.
7. Kajian Inventori Hidupan Liar oleh Jabatan Perhilitan Negeri Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM259,000.00.

#### **TAHUN 2018**

1. Kajian Jeti Di Kuala Langat dan Klang Bagi Mode Pengangkutan Industri yang menggunakan peruntukan sebanyak RM586,690.00.
  2. Dana Usahawan Mikro Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM64,860.00.
  3. Pinjaman Mikrokredit Perniagaan (HIJRAH Selangor) yang menggunakan peruntukan sebanyak RM141,770.00.
  4. Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM151,770.00.
  5. Peranan PeBT Di Dalam Pembangunan Generasi Muda Selangor yang menggunakan peruntukan sebanyak RM176,740.00.
  6. Kajian Plastik yang menggunakan peruntukan sebanyak RM73,685.88.
- 
- b) Projek Peta Kebudayaan Negeri Selangor merupakan sebuah inisiatif penyelidikan dan dokumentasi yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan kerjasama Pusat Budaya Pusaka (PUSAKA). Projek ini merangkumi sebuah

penyelidikan dan dokumentasi terperinci mengenai tiga tradisi kebudayaan yang pelbagai di negeri Selangor, iaitu Komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, Tradisi Kompong Jawa di Sabak Bernam, dan Komuniti Orang Asli Temuan di Gombak.

Projek Peta Kebudayaan Negeri Selangor telah bermula pada pertengahan tahun 2016, merangkumi penyelidikan bagi tiga tradisi kebudayaan yang unik dan signifikan di daerah Kuala Langat, Sabak Bernam dan Gombak.

Bagi penyelidikan Komuniti Orang Asli Mah Meri di Pulau Carey, sepanjang tahun 2017 hingga tahun 2018, kerja lapangan secara meluas telah diadakan merangkumi aspek-aspek seperti amalan kebudayaan, pandangan dan kepercayaan, serta segenap aspek kehidupan mereka. Disebabkan jumlah bahan atau sumber dokumentasi begitu banyak dikumpulkan, peringkat awal penerbitan yang melibatkan semakan bahan dokumentasi, traskripsi dan penterjemahan melalui proses suntingan yang giat dijalankan. Pihak PUSAKA juga telah mengenalpasti beberapa rujukan tambahan seperti hasil kerja oleh Roland Werner dan Barbara Nowak dan bahan-bahan rujukan dari kajian bebas oleh Reita Rahim. Rujukan tambahan ini telah membantu proses kajian dan dokumentasi khususnya bagi penyempurnaan peringkat awal produksi monograf (*'monograph'*) yang giat dijalani bagi konteks Komuniti Orang Asli Mah Meri ini.

Bagi peringkat selanjutnya, perlaksanaan proses penulisan secara teliti dan pengesahan fakta dijangka bermula pada hujung tahun 2018. Bagi mencapai sasaran sebagai sebuah publikasi yang substantif, projek ini menyasarkan 30,000 patah perkataan bagi monograf kajian dan dokumentasi peta kebudayaan berserta video berdurasi 109 jam 14 minit, audio berdurasi 9 jam dan fotografi berjumlah 961 keping, yang merangkumi pelbagai aspek Orang Asli Mah Meri.

Seterusnya, proses suntingan akhir dan *'proofreading'* dijangka bermula pada awal tahun 2019 disusuli proses reka bentuk, susun atur, penerbitan dan pengedaran hasil kajian. Projek Peta Kebudayaan Negeri Selangor ini dijangka akan disempurnakan dan dilancarkan pada April 2019.

- c) Percetakan dan penerbitan kajian-kajian di atas adalah di bawah tanggungjawab jabatan atau agensi yang berkaitan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : `BALAI BOMBA YANG TIDAK DIBEKALKAN KELENGKAPAN ASET  
OPERASI**

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) 4 balai bomba dan penyelamat baru di Selangor tidak dibekalkan dengan kelengkapan aset operasi seperti jentera dan peralatan memadam kebakaran serta menyelamat. Adakah kerajaan negeri dapat menyalurkan bantuan demi menjaga keselamatan rakyat dan juga anggota bomba?

**JAWAPAN:**

- a) Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia (JPBM) adalah salah satu jabatan di bawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Peruntukan bagi perolehan kelengkapan aset operasi JPB adalah di bawah tanggungjawab pihak kementerian. Kerajaan Negeri percaya KP KT mempunyai perancangan dan peruntukan bagi melengkapi aset-aset operasi setiap Jabatan Bomba di seluruh Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB**  
**(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : STATUS PROGRAM INISIATIF KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN IKHTISAS SMART SELANGOR (IKTISASS)**

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status dan jumlah penglibatan di dalam Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) dan apakah ukuran kejayaan program ini?

**JAWAPAN:**

- a) Status dan jumlah penglibatan di dalam Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTISASS) dan ukuran kejayaan program ini.
1. Sehingga kini, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan program pengajian dan latihan dengan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang diperlukan oleh pihak industri di tujuh institut latihan di Negeri Selangor yang merangkumi lima bidang utama iaitu *life sciences, food and beverages Manufacturing, electrical and electronics, transport equipment dan machinery and equipment*.
  2. Antara program yang dilaksanakan untuk kategori Belia Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) program latihan kemahiran dengan kerjasama pihak industri bagi meningkatkan nilai tambah (*value-added*) kepada pekerja lepasan SPM, agar dapat menceburi bidang teknikal sesuai dengan perancangan tenaga kerja mahir dengan syarikat yang terlibat. Selain itu, bagi menyokong jumlah bakat yang mencukupi untuk peralihan industri di Selangor ke arah aplikasi *Smart Factory* dan *Smart Manufacturing* selaras dengan cabaran Industri 4.0. Program *Internship High Impact Talent* (i-HIT) dilaksanakan yang melibatkan graduan dalam bidang kejuruteraan.

3. Selain itu, melalui kerjasama dengan *Strand Aerospace* Malaysia, program yang telah dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kualiti graduan dalam aspek keyakinan dan kemahiran bertindak bagi persediaan bekerja dalam industri berimpak tinggi yang seiring dengan revolusi industri 4.0. Pada penghujung latihan peserta yang terbaik akan diberi peluang untuk di temu duga bersama industri aerospace dan syarikat multinasional.
4. Jumlah penyertaan sehingga Oktober 2018 ialah seramai 1211 orang dan ukuran kejayaan Program IKTISASS ialah memastikan 80 peratus pelajar atau pelatih yang menjalani latihan akan mendapat penempatan pekerjaan atau menyambung pengajian atau latihan ke peringkat lebih tinggi.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BAKHTIAR BIN MOHD NOR  
(N24 SEMENYIH)**

**TAJUK : SEKOLAH**

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Penambahan banyak taman baru di Semenyih menyebabkan banyak sekolah terlalu padat dengan murid. Apakah ada usaha-usaha pembinaan sekolah baru di Semenyih?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAI WAI CHONG**  
**(N22 TERATAI)**

**TAJUK : LESEN KONTRAKTOR KERJA KELASA F**

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Atas prinsip keadilan dan keterbukaan, adakah Kerajaan Negeri masih lagi mengutamakan Kontraktor Kelas F dalam melantik pembekal untuk projek di bawah RM200,000?
- b) Jika ya, apakah ada perancangan untuk memansuhkan dasar ini?

**JAWAPAN:**

- a) Sebagai makluman, Kerajaan Negeri pada asasnya tertakluk kepada dasar dan tatacara kewangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan menerusi Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dalam menguruskan penggunaan Wang Negeri selaras dengan ketetapan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 8 yang berbunyi seperti berikut:-

**Arahan Perbendaharaan (AP) 8**

“Perlembagaan memperuntukkan bahawa tertakluk hanya kepada perundingan dengan Majlis Kewangan Negara, kuasa penuh bagi mengadakan dan mengatur tatacara kewangan dan perakaunan berkenaan dengan wang dan Aset Persekutuan **dan Negeri** adalah **terletak pada Persekutuan** dan **tidak pada Negeri**”.

Selanjutnya, di bawah **Arahan Perbendaharaan (AP) 184.1** berkaitan **Pendaftaran Kontraktor Kerja**, semua Kementerian/Jabatan dikehendaki hanya mempelawa kontraktor kerja yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Binaan (CIDB) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dalam gred dan kategori yang berkaitan untuk mengambil bahagian dalam urusan perolehan kerajaan. Berdasarkan kepada peraturan tersebut, apa-apa perolehan kerja kategori Bangunan/Awam/Mekanikal dengan nilai RM 200 ribu dan ke bawah hendaklah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1 sahaja. Manakala, bagi skop kerja elektrik dengan nilai yang sama boleh dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dalam Gred G1 sehingga G7.

Kerajaan Negeri ingin menekankan bahawa dasar perolehan yang dikuatkuasakan pada ketika ini adalah berpandukan dasar perolehan secara terbuka yang mengutamakan proses sebut harga dan tender. Menerusi kaedah ini, semua pihak yang berkelayakan boleh mengemukakan tawaran masing-masing yang selanjutnya akan dinilai secara adil dan saksama mengikut peraturan dan tatacara kewangan semasa.

- b) Berdasarkan kepada fakta dan keterangan ini, Kerajaan Negeri tidak memiliki kuasa untuk meminda tatacara kewangan semasa khususnya peraturan berkaitan perolehan kerajaan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) berikutan kuasa penuh untuk berbuat demikian adalah terletak pada Kerajaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN PERPARITAN**

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jabatan Pengairan dan Saliran menyediakan pelan jadual berkala untuk penyelenggaraan perparitan?
- b) Adakah pejabat ADUN boleh mendapatkan jadual penyelenggaraan tersebut?
- c) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi menangani banjir di DUN Jeram?

**JAWAPAN:**

- a) Ya, Jabatan Pengairan dan Saliran ada menyediakan pelan jadual berkala untuk penyelenggaraan perparitan.
- b) Pejabat ADUN boleh mendapatkan jadual penyelenggaraan tersebut dari pejabat JPS Daerah.
- c) Usaha bagi Kerajaan Negeri dalam menangani banjir di DUN Jeram adalah seperti berikut :-
  - i. Perlaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Jajaran Sungai Buloh (dalam proses ditender semula). Anggaran kos projek adalah sebanyak RM50 juta dengan tempoh pelaksanaan selama 2 tahun yang dijangka bermula pada tahun 2019.
  - ii. Pemasangan 2 unit pam bergerak dengan kapasiti pam sebanyak 10 cusec di pintu air Parit Merbau & 1 unit Di Lorong Anggerik Bukit Kuching (dipasang mengikut keperluan atau semasa banjir sahaja).
  - iii. Pemasangan projek rumah pam di Parit Merbau Selangor.
  - iv. Pemasangan Flap Gate di Culvert Jalan Bahagia bagi mengelakkan air Sungai Buloh memasuki Kampung Hijau melalui parit BCX-YZ.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **JADUAL BERKALA KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN PERPARITAN**

BIL	NAMA PARIT	JADUAL PENYELENGGARAAN	CATATAN
1.	PARIT JALAN DERAHMAN	MAC HINGGA APRIL	KERJA UNDI BIL 1
2.	PARIT JALAN PARIT BARU	MAC HINGGA APRIL	KERJA UNDI BIL 1
3.	PARIT JALAN MAWAR	MAC HINGGA APRIL	KERJA UNDI BIL 1
4.	PARIT MERBAU	JULAI	KECEMASAN ( ADUAN )
5.	OUTLET PINTU AIR PARIT MERBAU 2	JULAI	KECEMASAN ( ADUAN )
6.	OUTLET PINTU AIR PARIT GAJAH	JULAI	KECEMASAN ( ADUAN )
7.	PARIT BCX-YZ	OGOS HINGGA OKTOBER	SEBUTHARGA
8.	PARIT MERBAU	KERJA PUSINGAN OGOS HINGGA DISEMBER OGOS KERJA TEBASAN OKTOBER TEBASAN NOVEMBER KOREKAN	SEBUTHARGA
9.	PARIT BORROWPIT BLOK III	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
10.	PARIT JALAN SEPAKAT	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
11.	PARIT JALAN BERKAT	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
12.	PARIT JALAN MAKMUR	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
13.	PARIT JALAN AMAN	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
14.	PARIT JALAN BAHAGIA	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
15.	JALAN HASIL PARIT MAHANG	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA

16.	PARIT JALAN PARIT MAHANG	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
17.	PARIT JALAN ZAZULI	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
18.	PARIT JALAN GAJAH	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
19.	PARIT JALAN SENTOSA	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
20.	PARIT JALAN JASA	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
21.	PARIT JALAN JAYA	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
22.	PARIT JALAN SURAU	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
23.	PARIT JALAN KENANGA	NOV HINGGA DIS	SEBUTHARGA
24.	PARIT JALAN REZAB HAJI ALI	NOV HINGGA DIS	KERJA UNDI BIL 2
25.	PARIT JALAN BALAIRAYA	NOVEMBER	KERJA UNDI BIL 2
26.	PARIT JALAN SEK AGAMA	NOVEMBER	KERJA UNDI BIL 2
27.	PARIT BUKIT HIJAU	NOVEMBER	KERJA UNDI BIL 2
28.	PEMASANGAN FLAP GATE DI CULVERT JALAN BAHAGIA	NOVEMBER	KECEMASAN ( ADUAN )

**JADUAL KERJA PENYELENGGARAAN TEBASAN PARIT JK  
(MERANGKUMI KESEMUA PARIT-PARIT RACIK)**

BIL	NAMA PARIT	JADUAL PENYELENGGARAAN	CATATAN
<b>KG FELDA BUKIT CHERAKAH</b>			
1.	PARIT AKASIA	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT KEMUNING	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
3.	PARIT ANGSANA	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
4.	PARIT KEMBOJA		

<b>KAMPUNG BUKIT HIJAU</b>			
1.	PARIT REZAB HAJI ALI	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT BUKIT HIJAU 1 PT MELINTANG	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
3.	PARIT JALAN MASJID	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
4.	PARIT BALAIRAYA		
5.	PARIT BARU BUKIT HIJAU		
<b>KAMPUNG BUKIT CHERAKAH</b>			
1.	PARIT REZAB YUSOF		PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT TEPI JALAN MERBAU	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	
3.	PARIT JALAN MELATI	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
4.	PARIT GAJAH 2	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
<b>KAMPUNG PARIT MAHANG</b>			
1.	PARIT JALAN BAHAGIA 5B		PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT MAHANG 8B	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	
3.	PARIT MAHANG 9B	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
4.	PARIT JALAN DAMAI 2A	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
5.	PARIT JALAN MAKMUR 3B		

<b>KAMPUNG BUKIT KUCHING TENGAH</b>			
1.	PARIT JALAN RAJA UDA 2		PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT LINTANG HUJUNG		
3.	PARIT JALAN BAHAROM	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	
4.	PARIT JALAN SUBALI	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
5.	PARIT SEMPADANG LOG GURNEY	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
6.	PARIT JALAN KAMPUNG SETIA		
<b>KAMPUNG BUKIT KUCHING</b>			
1.	PARIT JALAN MERBUK		PUSINGAN 2 & 3 DIBATALKAN KERANA KELEWATAN DALAM PROSES LANTIKAN KETUA KAMPUNG BARU
2.	PARIT JALAN DELIMA	PUSINGAN 1 - 15 FEB HINGGA 31 MAC	
3.	PARIT JALAN RAJAWALI	PUSINGAN 2 - 15 MEI HINGGA 30 JUN	
4.	PARIT JALAN ANGGERIK	PUSINGAN 3 - 15 OKT HINGGA 30 NOV	
5.	PARIT JALAN SERINDIT		

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK : KAJIAN DAN PENYELIDIKAN**

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah kajian dan penyelidikan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri dan Institute Darul Ehsan untuk tahun 2018?
- b) Adakah kajian ini diterbitkan untuk makluman umum?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI**  
**(N12 JERAM)**

**TAJUK : PELUANG PERNIAGAAN UNTUK BELIA (USAHAWAN)**

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan pihak Kerajaan Negeri bagi mewujudkan peluang usahawan untuk belia?
- b) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk menyediakan kuota bagi belia bermiaga di premis PBT?
- c) Apakah perancangan PBT bagi membantu golongan belia untuk mendapatkan peluang perniagaan?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan mengambil maklum berkenaan mewujudkan peluang usahawan untuk belia dalam usaha untuk membantu mereka menceburi diri dalam bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri tidak mengkhususkan platform perniagaan untuk golongan belia semata-mata. Kerajaan negeri telah menyediakan platform perniagaan kepada para usahawan seperti sewaan premis perniagaan di UPTOWN Seksyen 24 Shah Alam, platform niaga seperti gerai-gerai makanan di setiap PBT. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan juga menyertai ekspo dan pameran tempatan dan bertaraf antarabangsa seperti *PIHEC*, *MIHAS*, *SIE* dan *HALFEST*. Pada ekspo dan pameran ini usahawan yang berkelayakan telah dipilih untuk menyertai delegasi Negeri Selangor. Penganjuran ekspo dan pameran ini dapat membuka peluang dan meluaskan pasaran bukan sahaja di peringkat tempatan malahan ke peringkat antarabangsa. Seterusnya, siri karnival *Jelajah Usahawan Selangor* sedang berlangsung di sembilan (9) daerah yang mana ia dapat membuka peluang perniagaan kepada peniaga tempatan. Karnival ini bukan sahaja difokuskan kepada peniaga bahkan penduduk tempatan untuk mendapatkan barang pada harga rendah dan berpatutan. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan juga meneruskan program *Jelajah Made In Selangor AEON Mall* di Johor Bahru dan AEON Mall Melaka. Ia merupakan peluang platform promosi di beberapa pasar raya / *hyper market* di luar Negeri Selangor untuk usahawan Negeri Selangor. Kerajaan negeri juga turut

menyediakan Kursus Keusahawanan kepada mereka bertujuan untuk memberi pendedahan tentang bidang perniagaan dan keusahawanan. Selain daripada itu, kerajaan negeri turut menyediakan bantuan dan pinjaman perniagaan daripada Blueprint, Hijrah dan Dana Usahawan Mikro bagi mereka yang ingin menjalankan perniagaan.

- b) Kerajaan Negeri tidak menyediakan kuota khusus untuk golongan belia berniaga di premis PBT. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan golongan belia menceburि bidang perniagaan melalui inisiatif-inisiatif yang disediakan seperti di atas.
- c) PBT sentiasa mengutamakan mana-mana permohonan pihak belia yang ingin menjalankan perniagaan sekiranya semua syarat telah dipatuhi. Bagi membantu golongan belia mendapatkan peluang perniagaan dengan mengetengahkan program industri kecil dalam industri makanan seperti ais krim, bakeri, pembuatan mi dan *catering* dalam program-program di PBT.

PBT juga telah memperkenalkan perniagaan menggunakan trak yang dikenali sebagai perniagaan Smart Trak. Perniagaan *foodtruck* ini sememangnya menjadi pilihan golongan belia untuk berniaga. PBT juga telah menetapkan lokasi khas untuk menjalankan perniagaan Smart Trak ini di lokasi "Hot Spot" iaitu kawasan tumpuan orang ramai. Golongan belia boleh memanfaatkan peluang ini untuk menjalankan perniagaan Smart Trak tertakluk dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN KAWASAN ADN BARISAN NASIONAL**

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan kawasan yang telah diberi dan digunakan oleh ADN Barisan Nasional daripada Kerajaan Negeri Selangor sejak 2013.
- b) Nyatakan kegunaan peruntukan ADN Barisan Nasional sejak tahun 2013.

**JAWAPAN:**

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah RM2,600,000.00 iaitu RM200,000.00 kepada setiap 13 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor bagi tujuan pelaksanaan projek kecil dan program mesra rakyat. Peruntukan tersebut diperuntukkan di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK - P01/04001 - Perkhidmatan Masyarakat** mulai tahun 2015.

Pada tahun 2015, tiada perbelanjaan dibuat oleh ADN Bukan Kerajaan dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 30/2015 yang diadakan pada 17 September 2015 yang telah disahkan oleh MMKN ke 31/2015 pada 22 September 2015 bersetuju meluluskan penyelarasan semula peruntukan ADN Bukan Kerajaan digunakan oleh Pegawai Penyelaras ADN yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri.

Pada tahun 2016, Kerajaan Negeri meneruskan pemberian peruntukan kepada Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan dan masih tiada perbelanjaan dibuat sehingga bulan Mac 2016, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 10/2016 yang diadakan pada 16 Mac 2016 dan disahkan oleh MMKN ke 11/2016 pada 23 Mac 2016 bersetuju peruntukan pembangunan perkhidmatan masyarakat berjumlah

RM6,000.00 setiap bulan mulai bulan Mac 2016 hingga Disember 2016 (10 bulan) disalurkan ke akaun Pusat Perkhidmatan Masyarakat (PKM) termasuk akaun 13 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan bagi tujuan pengurusan pejabat. Maka, sejumlah RM872,259.97 disalurkan bagi tujuan di atas.

Bagi tahun 2017 pula, sejumlah RM39,930.00 perbelanjaan dibuat oleh seorang Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan bagi tujuan pelaksanaan projek kecil.

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri masih meneruskan peruntukan berjumlah RM2,600,000.00 iaitu RM200,000.00 setahun kepada setiap 13 Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan di Negeri Selangor dan telah disalurkan ke Pejabat Daerah. Selepas Pilihan raya Umum ke-14, peruntukan tersebut telah diselaraskan dengan Pejabat Daerah secara pro rata bagi tempoh bulan Jun sehingga Disember 2018 iaitu sebanyak RM116,666.67 bagi setiap lima (5) ADN Bukan Kerajaan melibatkan keseluruhan RM583,333.35.

Sehingga 31 Oktober 2018, sejumlah RM147,448.55 telah dibelanjakan oleh Ahli Dewan Negeri Bukan Kerajaan iaitu RM26,718.55 untuk pengurusan pejabat dan sebanyak RM120,730.00 bagi tujuan program mesra rakyat dan sumbangans.